



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
APRIL 2019**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
DR. CORNELIA CHARITO SIRICORD  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**9 APRIL 2019  
DATARAN KIMIA MALAYSIA  
8.30 PAGI**

**DISEDIAKAN OLEH  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

## **(Salutasi)**

*Bismillahirrahmanirrahim*

- Terima kasih saudara dan saudari  
Pengerusi Majlis
- **Yang Berusaha Tuan Haji Mohamed  
Zaini bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),  
Jabatan Kimia Malaysia
- **Pengarah-Pengarah Kanan Pusat**
- **Pegawai-pegawai Bahagian**
- **Serta Tuan-tuan dan Puan-puan,  
warga KIMIA yang saya hormati  
sekalian.**

Assalamualaikum

Warrahmatullahi

Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kimia Malaysia Ibu Pejabat bagi bulan April 2019 pada pagi yang berbahagia ini.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

Pengarah Kanan dan warga kerja  
**Pusat Pengurusan Kualiti dan  
Penyelidikan** kerana telah mengatur  
dan menganjurkan Majlis  
Perhimpunan Bulanan kita pada pagi  
ini dengan baik sekali.

Hadirin sekalian,

**[PERSARAAN]**

3. Untuk makluman semua, warga Kimia  
berikut akan bersara pada bulan April  
2019 ini:

- 7 April: Encik Mustafa bin Yunus, C22 (Kimia Perak)
- 13 April: YBrs. Dr. Cornelia Charito Siricord (Ketua Pengarah Kimia Malaysia)
- 25 April: Puan Zaiton binti Ariffin (Pengarah Kanan Pusat Sekitaran)
- 30 April: Encik Jayaraman a/l Marathamuthu, Pembantu Operasi Gred N14 [Pusat Forensik]

4. Saya ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan kepada

KIMIA Malaysia, semoga hari-hari persaraan yang mendatang adalah hari yang indah dan penuh dengan keberkatan, kebahagiaan dan kesejahteraan. Terima kasih atas sumbangan dan selamat bersara diucapkan.

### **[KENAIKAN PANGKAT]**

5. Untuk makluman semua, 3 orang pegawai telah bersetuju menerima Penempatan Jawatan Pegawai Sains

Gred Fleksi C41/C44 ke Gred C44

Hakiki mulai 1 April 2019:

- Puan Tong Chiew Leng dari Kimia Melaka ke PLKM (Melaka)
  - Puan Fadilah binti Mohd Hassan dari Pusat Sekitaran ke Pusat Sekitaran
  - Puan Harlisa binti Haidhir Harminder dari UKK ke Pusat Forensik
6. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Sheikh Mohamad Shahir bin Ali atas pemangkuan dari

Pembantu Makmal Gred C22 ke Gred C26 di Pusat Sekitaran berkuatkuasa  
1 April 2019.

7. Tahniah dan syabas kepada semua.  
Diharap dengan kenaikan pangkat ini akan dapat meningkatkan semangat & usaha dalam kerjaya masing-masing.

Warga Kimia yang dikasihi sekalian,

**[PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM]**

8. Negara telah dikejutkan dengan kes pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor pada 7 Mac yang



lepas. Ekoran pencemaran itu, kualiti alam sekitar dan kehidupan masyarakat setempat terjejas teruk.

9. Jabatan Kimia Malaysia antara jabatan yang terlibat bagi menangani insiden berkenaan. Secara keseluruhannya seramai 104 orang pegawai & kakitangan KIMIA terlibat dengan operasi di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor.
10. Sejak dari mula insiden pencemaran di Sg. Kim Kim tersebut, agensi di bawah MESTECC seperti JAS dan

KIMIA telah terlibat secara aktif serta bekerjasama dalam mengambil serta menganalisa sampel di Sg. Kim Kim.

11. Data yang dianalisis oleh KIMIA terdiri dari 4 sumber:

- KIMIA Johor - sampel dari JAS untuk analisis Buangan Terjadual
- KIMIA Ibu Pejabat (Makmal Sekitaran) : Makmal Air & Makmal Alam Sekitar menganalisis sampel dari Kementerian Kesihatan (KKM) utk analisis spesimen biologi &

sampel dr JAS utk analisis Buangan Terjadual.

- KIMIA Ibu Pejabat (Makmal Forensik) : Makmal Toksikologi menganalisis sampel dr KKM utk analisis spesimen biologi.
- KIMIA juga berperanan sebagai JK Saintifik & Teknikal di lapangan (Pasir Gudang) iaitu pengumpulan data pemantauan udara (air monitoring) di kawasan sekolah, industri & punca. Pasukan KIMIA

juga bertindak untuk menganalisis data yang dikumpul di lapangan.

12. Analisis oleh KIMIA Malaysia semasa operasi bencana dilaksanakan berterusan sehingga kini iaitu selepas operasi bencana. Sampel-sampel dari JAS & KKM masih diterima oleh KIMIA sehingga kini utk analisis Buangan Terjadual & spesimen biologi (petugas operasi) walaupun operasi di Pasir Gudang telah tamat.

13. Syabas dan terima kasih buat semua petugas yang telah menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna. Dari lapangan ke makmal...dari siang ke malam...warga kerja KIMIA tanpa mengenal penat lelah telah memberikan sepenuh jiwa, tenaga serta kepakaran bagi membantu dalam insiden ini. Tahniah sekali lagi buat semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak dalam insiden ini.

**[PENGURUSAN KESINAMBUNGAN  
PERKHIDMATAN (PKP) KIMIA  
MALAYSIA]**

14. Untuk makluman semua, Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP) atau *Business Continuity Management* (BCM) adalah pengurusan secara holistik aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku gangguan/bencana serta baik pulih perkhidmatan dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

15. Pelan Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan merujuk kepada dokumen induk pengurusan kesyinambungan perkhidmatan. Ia meliputi segala sumber, proses, peranan dan tanggungjawab semua pihak terlibat yang diperlukan sebelum, semasa dan selepas sesuatu gangguan/bencana kepada sistem penyampaian perkhidmatan perlu didokumenkan, diuji dan dikaji semula secara berkala dan

dilaksanakan apabila berlaku gangguan/bencana.

16. Struktur pelaksanaan PKP Kimia Malaysia (*seperti di slide*).





Warga Kimia yang dikasihi sekalian,

**[MINGGU SAINS NEGARA 2019]**

17. Seperti semua sedia maklum, bermula 27 Mac sehingga 7 April yang lalu, Minggu Sains Negara telah diadakan di beberapa negeri dan pusatnya terletak di Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara. Selain daripada 2 lokasi tersebut, fasa pertama bagi MScN ini melibatkan 3 negeri iaitu Terengganu, Sabah dan Sarawak.
18. Jabatan Kimia Malaysia telah dilantik sebagai agensi peneraju bagi Minggu

Sains Negara Peringkat Negeri Sarawak. Kita telah mengadakan program tersebut di lokasi seperti berikut:

- 2 – 3 April (SMK Methodist, Sibul)
- 3 – 4 April (Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA))
- 5 – 6 April (Paragon Street Mall, Bintulu)

19. Di Pusat Sains Negara pula, KIMIA melalui Pusat Industri telah mengadakan pameran interaktif sepanjang 27 Mac – 7 April.

20. Jabatan Kimia Malaysia dengan kerjasama JAS & ARSM juga telah mengadakan pameran khas “Tangisan di Sungai Kim Kim” di PSN.
  
21. Tidak dilupakan juga warga KIMIA Sabah, Tawau dan Terengganu turut serta mengadakan pameran di lokasi MScN masing-masing.
  
22. Di samping itu, Jabatan Kimia Malaysia juga diberi amanah sebagai JK Protokol bagi Majlis Perasmian

Minggu Sains Negara yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia di PSN pada 2 April yang lepas. Seramai 32 warga KIMIA telah dilantik menggalas tanggungjawab tersebut.

23. Syabas diucapkan kepada para petugas KIMIA kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan begitu cemerlang. Tahniah dan syabas buat semua!

## **[ESTECC EDUCATION IN SCHOOLS]**

24. Untuk makluman jua, pihak MESTECC telah mencetuskan program '*ESTECC Education in Schools 2019*' yang berobjektifkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) di kalangan pelajar.
25. Kimia Malaysia telah diamanahkan untuk mengadakan program ini di 240 buah sekolah di seluruh Malaysia. Besar harapan saya agar semua warga Kimia bersama menjayakan program ini.

Tuan/Puan,

**[AGM KE-52 IKM]**

26. Mesyuarat Tahunan ke-52 Institut Kimia Malaysia (IKM) telah diadakan pada 30 Mac yang lepas di One World Hotel, Petaling Jaya.
27. Tahniah buat Puan Li Hui Ling yang telah terpilih sebagai Council Member IKM.
28. Terima kasih jua saya ucapkan kepada semua warga Kimia yang hadir dan memberi sokongan kepada wakil Kimia pada hari tersebut.

Warga Kimia sekalian,

**[KUALITI]**

29. Seperti semua sedia maklum, pada tahun ini sistem pengurusan kualiti jabatan akan migrasi ke MS ISO/IEC 17025:2017. Audit dalaman telah berjaya dilaksanakan di semua makmal negeri / cawangan Jabatan Kimia pada bulan Mac dan April ini. Dalam pada itu, audit SAMM juga telah diadakan di KIMIA Sabah pada 26 dan 27 Mac yang lalu. Meski pun terdapat beberapa NCR (8) dan

observation (4) yang diberikan oleh pihak auditor, kesemuanya akan dapat jawab dan Insyaallah, dengan itu KIMIA Sabah akan menjadi makmal pertama yang mendapat persijilan migrasi ke versi tahun 2017. Makmal KIMIA Pulau Pinang pula akan diaudit pada 9 – 11 April ini. Proses migrasi ini merupakan satu langkah yang amat penting kepada Jabatan untuk memastikan sistem pengurusan kualiti KIMIA sentiasa berkembang dan mengikut keperluan semasa.



30. Adalah diharapkan, semua pihak terus fokus dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, khususnya dalam melaksanakan ujian-ujian di dalam makmal. Perlu mematuhi semua langkah yang dinyatakan dalam kaedah, SOP dan *work instructions* yang telah ditetapkan. Adalah tidak wajar apabila dapatan Audit Dalaman dan juga Audit SAMM yang banyak menjurus kepada kelalaian individu dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan seperti gagal membuat

rekod yang lengkap, membiarkan sijil dan bahan rujukan, bahan kimia tamat tempoh, ujian *short-cut*, membuat laporan tidak mengikut format yang betul, dsb

31. Pada tahun ini, sasaran keputusan ***Proficient Testing (PT)*** untuk semua makmal di Ibu Pejabat dan Negeri / Cawangan adalah 100% cemerlang. Perkara ini tidak mustahil dicapai apabila semua pihak fokus dan mematuhi semua proses kerja yang telah ditetapkan.

32. Pada tahun ini juga, **Buku Garis Panduan Penghantaran Sampel Jabatan Kimia Malaysia** telah dikemaskini. Kali terakhir semakan dilakukan ialah pada 1 April 2010. Adalah diharapkan buku ini akan membantu semua pihak khususnya pelanggan jabatan kita dalam membuat persampelan dengan sempurna dan mengurangkan kes-kes penolakan sampel. Panduan ini juga akan menjamin integriti sampel yang dihantar sentiasa terpelihara.

Warga Kimia sekalian,

**[PENUTUP]**

33. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada kali ini, saya ingin mengucapkan 'Selamat Hari Lahir' serta semoga panjang umur dan murah rezeki kepada warga Kimia yang menyambut ulang tahun kelahiran pada bulan April ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.